

## Stok makanan cukup

**Kuala Lumpur:** Tidak timbul isu kekurangan bekalan makanan di pasaran. Itu hasil pemantauan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) di peringkat pengeluar makanan bagi memastikan bekalan tidak terjejas.

Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, orang ramai dinasihati tidak bim-

bang dengan bekalan makanan dan keperluan kerana ia dijamin mencukupi.

Katanya, penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP) membuat pemantauan harian ke 25 jenis bekalan barangan di 845 premis perniagaan termasuk peruncit (639), pemborong (175) dan pengilang (31).

